



***LIABILITI SIVIL TERHADAP PEMBEKAL DALAM ISU REPRESENTASI
LOGO HALAL PALSU DAN MENGELIRUKAN***

NASIHAH BINTI NAIMAT

IPPH 2018 6



**LIABILITI SIVIL TERHADAP PEMBEKAL DALAM ISU REPRESENTASI
LOGO HALAL PALSU DAN MENGELIRUKAN**



**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

LIABILITI SIVIL TERHADAP PEMBEKAL DALAM ISU REPRESENTASI LOGO HALAL PALSU DAN MENGELIRUKAN

Oleh

NASIHAH BINTI NAIMAT

September 2018

Pengerusi : Elistina Binti Abu Bakar, PhD
Institut : Penyelidikan Produk Halal

Undang-undang merupakan mekanisme paling berkesan dalam mengenakan liabiliti terhadap pembekal dalam isu representasi logo halal palsu dan mengelirukan. Hal ini adalah kerana, undang-undang meletakkan tanggungjawab kepada pembekal untuk memastikan bahawa produk yang dibekalkan itu adalah halal seperti mana yang dinyatakan. Pada masa ini, undang-undang yang mengawal selia isu halal adalah terletak dibawah Akta Perihal Dagangan 2011 melalui Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Walau bagaimanapun, Akta ini bersifat jenayah yang berfungsi untuk menghukum pesalah dan tidak memperuntukkan pampasan ganti rugi bagi mangsa produk logo halal palsu dan mengelirukan. Manakala, peruntukan di bawah undang-undang sivil pula adalah tidak jelas dan ini menjadikan pengguna tidak dapat menuntut pampasan ganti rugi terhadap pembekal. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis liabiliti terhadap pembekal di bawah undang-undang sivil yang secara amnya merangkumi perlindungan kepada pengguna dalam kes representasi logo halal palsu dan mengelirukan. Dalam usaha untuk mencadangkan pembaharuan, kajian menyeluruh perlu dijalankan untuk melihat dari semua perspektif, termasuk analisis yang meliputi undang-undang kontrak, undang-undang tort dan Akta Perlindungan Pengguna 1999. Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah kajian kualitatif dengan menggunakan pakai pendekatan perbandingan dan pendekatan analitikal dan kritis. Pendekatan perbandingan dengan beberapa negara terpilih, iaitu Australia dan United Kingdom berupaya menonjol kekurangan dan kelebihan undang-undang liabiliti sivil terhadap pembekal ke atas representasi logo halal palsu dan mengelirukan. Manakala pendekatan analitikal dan kritis pula diguna pakai untuk menganalisis dan mengkritik peruntukan sedia ada berdasarkan perkembangan pada beberapa negara terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa undang-undang kontrak, undang-undang tort dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 tidak

mencukupi untuk menangani isu liabiliti sivil pembekal. Oleh itu, pada akhir kajian ini, penyelidik telah menggariskan beberapa cadangan untuk pindaan Akta Perlindungan Pengguna 1999 sebagai mekanisme penyelesaian kepada isu representasi logo halal palsu dan mengelirukan. Implikasi daripada hasil kajian ini akan membantu pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam menambah baik undang-undang perlindungan pengguna di Malaysia supaya berkembang seiring dengan industri halal.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

CIVIL LIABILITIES ON SUPPLIER FOR FALSE HALAL LOGO AND MISLEADING REPRESENTATION

By

NASIHAH BINTI NAIMAT

September 2018

Chairman : Elistina Binti Abu Bakar, PhD
Institute : Halal Products Research

Law is the most effective mechanism in imposing liability against suppliers in the issue of false halal logo and misleading representations. This is because, the laws put the responsibility towards supplier to ensure that they supplied product that is halal as stated. At present, laws regulating halal issues are under the Trade Descriptions Act 2011 and its Order, Trade Descriptions (Definition of Halal) Order 2011 and the Trade Descriptions (Certification and Marking of Halal) Order 2011. However, these statutes are criminal in nature with the objective of punishing the offender and this does not entitle the victim to get compensation in the case of false halal logo and misleading representations. Whereas, the provisions under the civil law are not clearly provided and this make consumers unable to claim compensation from suppliers. Therefore, this study aims to analyse the liability of suppliers under the civil law which generally concerns with providing protection to consumers in the case of false halal logo and misleading representations. In an effort to propose reform, comprehensive study must be conducted to look at all perspectives, including analysis that covers the law of contract, the law of tort as well as the Consumer Protection Act 1999. This study was conducted through qualitative research methods by adopting comparative approaches and analytical and critical approaches. Comparative approaches to selected countries, namely Australia and the United Kingdom, are able to stand out deficiency and advantages of civil liability laws against suppliers on false halal logo and misleading representations. Whereas, analytical and critical approaches are used to analyse and criticize existing provisions based on developments in selected countries. The findings show that the contract law, tort law and the Consumer Protection Act 1999 are not sufficient to address the civil liabilities of the suppliers. Thus, at the end of the study, the researcher has outlined some recommendations to amend the Consumer Protection Act 1999 as a settlement mechanism to the issue of false halal logo and misleading representations. The implication of this study will help the

Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs to improve the consumer protection laws in Malaysia to grow in tandem with the halal industry.



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT dengan rahmatnya membolehkan saya menyempurnakan penulisan tesis ini. Saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Elistina Binti Abu Bakar iaitu selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan serta Dr. Afida Mastura Binti Muhammad Arif dan Profesor Madya Dr. Mohhidin Bin Othman sebagai penyelia yang sentiasa memberi masa, idea dan tidak jemu membimbang sehingga siapnya penulisan tesis ini.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pihak yang telah membantu saya menyiapkan tesis ini terutamanya kepada kedua ibu bapa saya iaitu Haji Naimat Bin Sukri dan Hajjah Hamidah Binti Hassan serta seisi keluarga yang telah membantu saya dari segi kewangan, masa, sokongan moral dan juga tidak jemu memberi dorongan dan bantuan dalam memudahkan penulisan tesis ini.

Akhir sekali, penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah skim Biasiswa MyBrain15 (MyPhD) kerana telah memberi peluang kepada saya untuk meneruskan pengajian yang tidak ternilai ini. Sekalung penghargaan juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawantankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Elistina Binti Abu Bakar, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Afida Mastura Binti Muhammad Arid, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohiddin Bin Othman, PhD
Profesor Madya
Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Nasihah Binti Naimat, GS40178

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelidikan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Elistina Binti Abu Bakar

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Afida Mastura Binti Muhammad Arid

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Mohiddin Bin Othman

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI PERUNDANGAN DAN STATUT	xiii
SENARAI KES	xv
SENARAI JADUAL	xxi
SENARAI SINGKATAN	xxii
 BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.3.1 Objektif Am	7
1.3.2 Objektif Khusus	7
1.4 Signifikan Kajian	7
1.5 Kajian Literatur	8
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Metodologi Kajian	11
1.7.1 Pendekatan Kajian	11
1.7.2 Teknik Pengumpulan Data	13
1.8 Kerangka Kajian	13
1.9 Takrifan	14
 2 HALALAN TAYYIBAN SEBAGAI HAK ASASI PENGGUNA	16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Konsep Halalan Tayyiban	17
2.3 Kepentingan Makanan <i>Halalan Tayyiban</i>	19
2.4 Hak-Hak Asasi Pengguna	22
2.5 Halal sebagai Hak Asasi Pengguna	25
2.5.1 Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan	25
2.5.2 Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan	28
2.6 Kerangka Perundangan Halal dan Perlindungan Pengguna di Malaysia	30
2.6.1 Akta Perihal Dagangan 2011	31
2.6.2 Akta Makanan 1983	33
2.6.3 Akta Perlindungan Pengguna 1999	34
2.7 Kesimpulan	35

3	PERLINDUNGAN PENGGUNA DI BAWAH UNDANG-UNDANG KONTRAK	
3.1	Pengenalan	37
3.2	Doktrin Priviti Kontrak	38
3.3	Kandungan Kontrak	44
3.4	Tuntutan Remedi	53
3.4.1	Ganti Rugi	53
3.4.2	Perintah Injunksi	60
3.5	Kesimpulan	61
4	PERLINDUNGAN PENGGUNA DI BAWAH UNDANG-UNDANG TORT	
4.1	Pengenalan	63
4.2	Tort dan Kontrak	64
4.3	Kecuaian	65
4.4	Perdayaan (<i>Deceit</i>)	72
4.5	Tuntutan Remedi	77
4.6	Kesimpulan	80
5	PERLINDUNGAN PENGGUNA DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999	
5.1	Pengenalan	82
5.2	Pemakaian dan Tafsiran Akta Perlindungan Pengguna 1999	82
5.2.1	Pemakaian Akta Perlindungan Pengguna 1999	83
5.2.2	Definisi "Pengguna"	85
5.2.3	Definisi "Barang"	88
5.2.4	Definisi "Pembekal"	89
5.3	Bahagian II : Perlakuan Mengelirukan, Memperdaya, Representasi Palsu dan Amalan Tak Saksama	93
5.3.1	Peruntukan dalam Seksyen 8	94
5.3.2	Peruntukan dalam Seksyen 10	95
5.3.3	Remedi	97
5.4	Bahagian V : Gerenti Berkenaan dengan Pembekalan Barang	101
5.4.1	Peruntukan dalam Seksyen 32	101
5.4.2	Peruntukan dalam Seksyen 34	105
5.4.3	Bahagian VI: Hak Terhadap Pembekalan Berkenaan dengan Gerenti dalam Pembekalan Barang dan Permasalahannya	108
5.4.4	Bahagian VII : Hak Terhadap Pengilang Berkenaan dengan Gerenti dalam Pembekalan Barang dan Permasalahannya	113
5.5	Bahagian X : Liabiliti Keluaran	114
5.5.1	Kecacatan Keluaran	115
5.5.2	Kerosakan atau Kerugian	118
5.5.3	Sebab-Musabab antara Kecacatan Keluaran dengan Kerosakan ataupun Kerugian	120
5.5.4	Pembelaan dan Permasalahannya	121

5.6	Tuntutan Remedi	122
5.6.1	Ganti Rugi Bukan Kewangan (<i>Non-pecuniary Award</i>)	122
5.6.2	Ganti Rugi Punitif/Teladan (<i>Punitive/Exemplary Damages</i>)	125
5.6.3	Perintah Injunksi	126
5.6.4	Tindakan Kelas	128
5.6.5	Perintah Non-Punitif (<i>Non-Punitive Orders</i>)	132
5.7	Kesimpulan	134
6	RUMUSAN DAN CADANGAN	135
6.1	Pengenalan	135
6.2	Rumusan	135
6.2.1	<i>Halalan Tayyiban</i> sebagai Hak Asasi	135
6.2.2	Undang-Undang Kontrak	136
6.2.3	Undang-undang Tort	138
6.2.4	Akta Perlindungan Pengguna 1999	140
6.3	Cadangan	146
6.3.1	Pindaan Undang-Undang Perlindungan Pengguna	146
6.3.2	Rancangan Jangka Pendek, Jangka Sederhana dan Jangka Panjang	158
6.4	Penutup dan Cadangan Penyelidikan Akan Datang	161
RUJUKAN		163
LAMPIRAN		175
BIODATA PELAJAR		184

SENARAI PERUNDANGAN DAN STATUT

MALAYSIA

Akta Bil Pertukaran 1949

Akta Insurans 1996

Akta Jualan Barang 1957

Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993

Akta Keterangan 1950

Akta Kontrak 1950

Akta Makanan 1983

Akta Pengangkutan Jalan 1987

Akta Perihal Dagangan 1972

Akta Perihal Dagangan 2011

Akta Perlindungan Pengguna 1999

Akta Relief Spesifik 1950

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999

Akta Tafsiran 1948 dan 1967

Akta Undang-Undang Sivil 1956

Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

Perintah Perihal Dagangan (Barang-Barang Diperbuat Daripada Mana-Mana Bahagian Babi atau Anjing) 2013

Perintah Perihal Dagangan (Fi Penandaan Makanan) 1975

Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011

Perlembagaan Persekutuan

LUAR NEGARA

- Competition and Consumer Act 2010 (Australia)
- Consumer Guarantees Act 1993 (New Zealand)
- Consumer Legal Remedies Act (California)
- Consumer Protection (Fair Trading) Act (Singapore)
- Consumer Protection Act 1986 (India)
- Consumer Protection Act 1987 (United Kingdom)
- Consumer Rights Act 2015 (United Kingdom)
- Contracts (Privity) Act 1982 (New Zealand)
- Contracts (Rights of Third Parties) Act 1999 (United Kingdom)
- Fair Trading Act 1986 (New Zealand)
- Fair Trading Act 2000 (Kanada)
- International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights 1966
- Liability for Damages Arising from Unsafe Product Act (2551) 2008 (Thailand)
- Principles of European Contract Law
- Sale of Goods Act 1979 (United Kingdom)
- The Religious Land Use and Institutionalized Persons Act (Amerika Syarikat)
- Trade Descriptions Act 1968 (United Kingdom)
- Trade Practices Act 1974 (Australia)
- Universal Declaration of Human Rights 1948

SENARAI KES

AB v South West Water Services Ltd [1993] 1 All ER 609

Abdul Rashid Abdul Majid v Island Golf & Corporation Sdn Bhd [1989] 3 MLJ 376

Addis v Gramophone Co Ltd [1909] AC 488

AG v Blake [2001] 1 AC 268

Alder v Dickson [1954] 3 All ER 397; [1995] 1 QB 158

American Cynamid v Ethicon [1975] AC 396

American International Assurance Company Ltd v Koh Yen Be [2002] 4 CLJ 49

Andrews v Grand & Toy Alberta Ltd (1978) 83 DLR 452

Angelo Robinson v Wanza Jackson No. 14-4107 (6th Cir. 2015)

Arkwright v Newbold (1881) 17 ChD 301, 320

Baharuddin Ali & Co v BPMB Urus Harta Sdn Bhd [2000] 4 CLJ 693

Balakrishnan Devaraj & Anor v Admiral Cove Development Sdn Bhd [2010] 7 CLJ 152

Barnett v Chelsea Kensington Hospital Management [1967] 1 QB 428

Bhamra v Dubb t/a Lucky Caterers [2010] EWCA Civ 13

Billion Origin Sdn Bhd v Newbridge Networks Sdn Bhd & Anor [2006] 6 MLJ 768

Blakemore v Bellamy [1983] RTR 303

Blyth v Birmingham Waterworks Co (1856) 11 Ex Ch 781

Bradford Third Equitable Benefit Building Society v Borders [1941] 2 All ER 205

Bramhill v Edwards [2004] EWCA Civ 403

Broome v Speak [1903] 1 Ch 586

Brownlie v Campbell (1880) 5 AC 925

*Bumi Cash Sdn Bhd v Bumiputra-Commerce Bank Berhad [2006] 8 CLJ 49
Carlill v Carbolic Smoke Ball [1892] 2 QB 484*

- Carpet Call Pty Ltd v Chan* (1987) ASC 55-553
- Chin Wai Hong & Anor v Lim Guan Hoe & Anor* [2014] 1 LNS 1438
- Chua Hong Yiah v MBF Cards (Malaysia) Sdn Bhd* (TTPM-SAB-(P)-232-2007)
- Contact Energy v Jones* [2009] 2 NZLR 830
- Corfield v Sevenways Garage Ltd* [1985] RTR 109
- Darlington Borough Council v Wiltshier Northen Ltd* [1995] 1 WLR 68
- Dato' Abdullah Hishan bin Haji Mohd Hashim v Sharma Kumari Shukla* [1996] 6 MLJ 589
- Datuk Mohd Ali bin Hj Abdul Majid & Anor v Public Bank Bhd* [2014] 6 CLJ 269
- Davies v Sumner* [1984] 1 WLR 1301
- Daymond v South West Water Authority* [1976] AC 609
- Derry v Peek* (1889) 14 App Cas 337
- Devlin v Hall* [1990] 2 WLR 1064
- Dick Bentley Productions Ltd v Harold Smith Motors Ltd* [1965] 1 WLR 623
- Dietz v Lenning Chemicals Ltd* [1969] 1 AC 170
- Donoghue v Stevenson* [1932] AC 562
- Downs v Chappell* [1997] 1 WLR 426
- Doyle v Olby (Ironmongers) Ltd* [1969] 2 QB 153
- Drake v Thos Agnew And Sons Limited* [2002] EWHC 294
- Dr RS Sivanathan v The Government of Malaysia & Anor* [2000] 7 CLJ 408
- Ecay v Godfrey* [1947] 80 Lloyd's Rep 286
- Eco 3 Capital and others v Ludsin Overseas Ltd* [2013] EWCA Civ 413
- Esso Petroleum Co. Ltd v Mardon* [1976] QB 801
- Fairchild v Glenhaven Funeral Services* [2002] 3 All ER 305
- Fisher v Bell* [1960] 1 QB 394

Foong Chee Chong v Inspector Mohd Nasir Shamsuddin & Anor [1998] 4 CLJ 309

Georg v Animal Defense League 231 S.W.2d 807 (Tex. App. 1950)

Gill & Duffus S.A. v Berger & Co. Inc. (No.2) [1984] AC 382

Glasgow Corporation v Muir (1943) AC 448

Goh Sze Ching v Pizza Hut Restaurant Sdn Bhd [2011] 5 LNS 33

Government of Malaysia & Ors v Jumaat Mahmud & Anor [1977] 2 MLJ 10

Gunalan a/l Subramaniam v Swiss Garden International Vacation Club Sdn Bhd (TPPM-WP-(P)-1588-2010)

Heilbut, Symons & Co v Buckleton [1913] AC 30

Henderson v Merett Syndicates [1994] 3 All ER 506

Hufford v Samsung Electronics (UK) Ltd [2014] EWHC 2956

Jewson Ltd v Kelly [2003] EWCA Civ 1030

Karuppannan s/o Chellapan v Balakrishnen s/o Subban [1994] 4 CLJ 479

Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor [1995] 1 CLJ 293

Kepong Prospecting Ltd & Ors v Schmidt [1968] 1 MLJ 170

Khaw Cheng Poon & Ors v Khaw Cheng Bok & Ors and another appeal [2005] 6 MLJ 540

Koh Siew Hoon v Bumiputra-Commerce Bank [2013] 1 LNS 585

Kuddus v Chief Constable of Leicestershire Constabulary [2001] 3 All ER 193

Lau Hee Teah v Hargail Engineering Sdn Bhd & anor [1980] 1 MLJ 145

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) & Anor v Awang Soh Mamat & Ors [2009] 5 CLJ 1

Letrik Bandar Hup Heng Sdn Bhd v Wong Sai Hong [2002] 5 MLJ 247

Living Stone v Rawyards Coal Co (1880) 5 App Cas 25

Lochgelly Iron & Coal v M Mullan [1934] AC 1: 25

London & Blackwall Railway Co. v Cross [1886] 31 ChD 354

- Magnum Finance Berhad v Tan Ah Poi & Anor* [1997] 4 CLJ Supp 44
- Majlis Amanah Rakyat v Mazliza Ahmad* [2008] 10 CLJ 296
- Makin v Colorado Dept. of Corrections*, 183 F.3d 1205 (10th Cir. 1999)
- Nesbit v Porter* [2000] 2 NZLR 465
- Ong Ah Long v Dr S Underwood* [1983] 2 MLJ 324
- Oriental Bank Bhd v Uniphoenix Corp Bhd* [2005] 7 MLJ 315
- Oscar Chess Ltd v Williams* [1957] 1 All ER 325
- Peek v Derry* (1887) 37 ChD 541
- Phua Siong Hoe v RHB Bank Persatuan Pemilik Tanah Taman Pandan (Intevenor)* [2001] 6 CLJ 326
- Popular Industries Limited v Eastern Garment Manufacturing Sdn Bhd* [1989] 3 MLJ 360
- Puncak Niaga (M) Sdn Bhd v NZ Wheels Sdn Bhd* [2012] 1 MLJ 27
- R v Chappell* [1984] CLR 574
- Ramli bin Shahdan v Motor Insurer's Bureau of West Malaysia* [2006] 2 MLJ 116
- Razshah Enterprise Sdn Bhd v Arab Malaysian Finance Bhd* [2009] 2 MLJ 102
- Rizwan Hussain v Saleem Mukhtar* [2016] EWHC 424
- Robinson v Harman* (1848) 1 Exch 850
- Rookes v Barnard* [1964] AC 1129
- Rose & Frank Co v JR Crompton & Bros* [1925] AC 445
- Ross River Limited and another v Cambridge City Football Club Limited* [2007] EWHC 2115 (Ch)
- Ruxley Electronics and Construction Ltd v Forsyth* (1996) AC 344
- SealDeck (Kuala Lumpur) Sdn Bhd v Onn Choong Koi @ Ng Ching Swai* [2008] 1 LNS 138
- Smith New Court Securities Ltd v Scrimgeour Vickers (Asset Management) Ltd* [1997] AC 254

- Spice Girls Ltd v Aprilia World Service Bv [2002] EWHC Ch 140*
- Stevenson v Rogers [1999] 2 WLR 1064*
- Subramaniam a/l Paramasivam & 2 Ors v Malaysian Airline System Bhd [2002] 1 MLJ 45*
- Sulisen Sdn Bhd v Kerajaan Malaysia [2006] 7 CLJ 247*
- Sultan Hanifa Abdullah v Wali Fard, et al., 1999 U.S. App. LEXIS 1466*
- Swamy v Mathews & Anor [1968] 1 MLJ 138*
- Sykes And Another v Taylor-Rose And Another [2004] EWCA Civ 299*
- Tan Chong & Sons Motor Company (Sdn) Bhd v Alan Mcknight [1983] 1 MLJ 220*
- Tan Sri Khoo Teck Puat v Plenitude [1995] 1 AMR 41*
- Tan Teck Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor [1996] 1 MLJ 261*
- Taylor v Hamer [2002] EWCA Civ 1130*
- Tien Ik Sdn Bhd & 4 Ors v Peter Kuok Khoon Hwong [1992] 2 MLJ 689*
- Tinta Press Sdn Bhd v Bank Islam Malaysia Bhd [1987] 2 MLJ 192*
- TV Media Pte Ltd v De Cruz Andrea Heidi & Another [2004] 3 SLR(R) 543*
- Union Alloy(M) Sdn. Bhd. v Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay Sdn Bhd [1993] 3 CLJ 670*
- Vento v The Chief Constable of West Yorkshire Police [2002] EWCA Civ 1871*
- Watts v Marrow [1991] 1 WLR 1421*
- Western Canadian Shopping Centres Inc v Dutton [2001] 2 SCR 534*
- Wilson v Darling Island Stevedoring and Lighterage Co.Ltd. [1956] 1 Lloyd's Rep. 346*
- Winterbottom v Wright (1842) 152 ER 402*
- With v O'Flanagan [1936] Ch 575*
- Woon Tan Kan & 7 Ors v Asian Rare Earth Sendirian Berhad [1992] 3 CLJ 786*

Zulkiply Taib & Anor v Prabakar Bala Krishna & Ors And Other Appeals [2015]
2 CLJ 766



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Statistik Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal JAKIM Januari Sehingga Disember 2016	5
1.2 Statistik Pecahan Kes Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal JAKIM Januari Sehingga Disember 2016	5



SENARAI SINGKATAN

ACCC	<i>Australian Competition and Consumer Commission</i>
AK 1950	Akta Kontrak 1950
APD 2011	Akta Perihal Dagangan 2011
APP 1999	Akta Perihal Pengguna 1999
CJ	<i>Chief Justice</i>
ed.	<i>Edisi @ Edition</i>
eds.	<i>Beberapa editor @ Multiple editors</i>
et. al.	Menunjukkan sesuatu bahan tulisan itu ditulis oleh lebih daripada tiga orang penulis.
hlm.	Halaman
Ibid.	ibidem iaitu rujukan kepada tempat, kitab, fasal atau halaman yang sama
ICESCR	<i>International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights</i>
J	<i>Judge</i>
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JCA	<i>Judge, Court of Appeal</i>
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPDNHEP	<i>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna</i>
LJ	<i>Lord Justice</i>
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
n.	<i>Nota kaki @ note</i>
PP	Perlembagaan Persekutuan

SAW	Sallallahu alayhi wa Salam
SWT	Subhanahu wa ta'ala
TTPM	Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia
UDHR	Universal Declaration of Human Rights 1948
UK	United Kingdom
USD	United States Dolar



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dewasa ini, perkara berkaitan halal semakin banyak diperbincangkan di seluruh dunia. Permintaan yang tinggi terhadap produk halal dalam kalangan pengguna meningkat disebabkan pengiktirafan produk halal sebagai alternatif kepada penanda aras untuk keselamatan, kebersihan dan jaminan kualiti.¹ Berikutan itu, pasaran industri halal menjadi salah satu daripada arena pasaran yang paling menguntungkan dan berpengaruh dalam dunia perniagaan hari ini. Pasaran industri halal global dijangka meningkat antara USD3 trilion dan USD4 trilion dalam tempoh lima tahun akan datang, dari anggaran semasa USD2 trilion, disebabkan oleh permintaan berterusan daripada negara bermajoriti Islam dan bukan Islam.²

Kerancakan industri halal di peringkat global turut mempengaruhi industri halal di Malaysia. Kerancakan industri halal di Malaysia ini menjadikan isu representasi logo halal palsu dan mengelirukan menghantui pengguna. Beberapa jenama produk tempatan telah tampil kepada orang ramai sebagai jenama yang mempunyai kaitan dengan Islam melalui pembungkusan dan pelabelan hasil kreativiti mereka.³ Status halal ditulis menggunakan ungkapan “halal”, “ditanggung halal”, “makanan orang Islam” dan sebagainya. Perbuatan atau representasi yang dilakukan oleh pembekal yang tidak beretika ini adalah untuk menarik pengguna membeli produk mereka dan dalam masa yang sama telah menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pengguna dari segi status halal produk-produk tersebut.⁴ Di Malaysia, permohonan pensijilan logo halal pada produk adalah bersifat sukarela dan tiada paksaan bagi mana-mana pihak untuk memohon. Namun begitu, sekiranya produk tersebut ditandakan sebagai halal, maka pembekal produk tersebut bertanggungjawab untuk memastikan bahawa produk tersebut adalah halal.⁵ Pembekal dilarang menggunakan logo halal

¹ Abdul Raufu Ambali & Ahmad Naqiuuddin Bakar. (2013). Halal food and products in Malaysia: People's awareness and policy implications. *IIUM Press*, 21(1), 7–32; Kartina, A. B., & Vathsala, N. (2005). The production of meat in Malaysia : A halal perspective. *Proceeding of the 3rd Asia Pacific CHRIE Conference*, Kuala Lumpur.

² Ayisy Yusof. (9 April 2018). *Malaysia should leverage on growing halal industry globally*. Diperolehi pada 20 April 2018 daripada <https://www.nst.com.my/business/2018/04/355141/malaysia-should-leverage-growing-halal-industry-globally>

³ Shahidan Shafie & Md Nor Othman. (2006). Halal certification: An international marketing issues and challenges. *Prosiding Persidangan International IFSAM VIIIth World Congress*, Berlin, hlm. 1-11.

⁴ Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Lidia Fitri. (2014). Ketekalan gelagat pengguna Muslim terhadap status halal: Ke arah strategi berkesan promosi produk halal. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 22, hlm. 51-68.

⁵ Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

palsu, mengelirukan atau memperdayakan pengguna berhubung dengan sesuatu produk.⁶

“Pembekal” didefinisikan di bawah Seksyen 3(1) Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999 sebagai seseorang yang secara perdagangan membekalkan barang kepada pengguna dengan memindahkan pemunyaan atau milikan barang itu di bawah suatu kontrak jualan, pertukaran, pajakan, sewaan atau sewa beli yang kepadanya orang itu menjadi suatu pihak. Definisi yang diperuntukkan ini menunjukkan bahawa “pembekal” ialah seseorang yang membekalkan barang kepada pengguna dengan cara memindahkan pemunyaan atau milikan barang kepada pengguna. Maka, kesimpulan yang boleh dibuat di bawah APP 1999 adalah bahawa “pembekal” terdiri daripada penjual dan orang yang memindahkan milikan barang dalam kontrak pembekalan barang seperti pengeluar dan pengilang.

Dari aspek undang-undang, terdapat peruntukan di bawah beberapa akta atau enakmen yang menyentuh mengenai aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan. Isu yang berkaitan dengan halal adalah dikawal selia di bawah beberapa akta yang sudah wujud di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah melakukan pelbagai usaha yang baik dalam menangani isu halal dengan tergubalnya Akta Perihal Dagangan (APD) 2011. Akta ini memberi perlindungan kepada pengguna daripada amalan perdagangan atau perniagaan yang tidak sihat. Dengan adanya undang-undang ini, kedudukan konsep halal diperkuatkan dan ini memberi manfaat kepada pembekal dan juga pengguna.⁷ Menerusi Seksyen 28 dan 29 APD 2011, tiga perintah telah diwujudkan, iaitu Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Tiga perintah ini diwujudkan bagi menggantikan dua perintah terdahulu, iaitu Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbaasan Halal) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Fi Penandaan Makanan) 1975. Seksyen 29 APD 2011 turut memberi ruang kepada pewujudan mekanisme institusi bagi mengurus dan mengendalikan hal ehwal berkaitan dengan pensijilan halal, dan Menteri boleh menamakan pihak berkuasa bagi memperaku, menanda, membekal atau menawar sesuatu barang termasuk yang berkaitan dengan pensijilan halal.

Pindaan yang dilakukan terhadap APD 2011 telah memberi nafas baru kepada undang-undang halal Malaysia.⁸ Walau bagaimanapun, akta dan peraturan yang sedia ada ini adalah di bawah undang-undang jenayah. Undang-undang

⁶ Ibid.

⁷ Mohamad Zukrillah Ismail, Penolong Pengarah Bahagian Hab Halal JAKIM, ditemu bual oleh penulis tesis, Putrajaya, 14 April 2017.

⁸ Norazla Abdul Wahab, Farah Mohd. Shahwahid, Nor'Adha Ab. Hamid, Surianom Miskam, Syaripah Nazirah Syed Ager, Mariana Abdullah, Norziah Othman & Wawarah Saidpuddin. (2015). Undang-undang halal Malaysia: Isu dan cabaran. *World Academic and Research Congress 2015*. YARSI University, Jakarta, Indonesia. hlm.122-135.

jenayah adalah undang-undang yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa. Oleh itu, hanya pihak berkuasa seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh mengambil tindakan terhadap pihak yang menyalahgunakan logo halal. JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) pula merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam pengeluaran sijil halal dan pelaksanaan polisi halal yang berkaitan dengan makanan dan produk bukan makanan. Meskipun penambahbaikan pada bahagian tertentu telah dilakukan dengan penggubalan APD 2011 tetapi beberapa isu yang berkaitan isu halal masih perlu ditangani. Sebagai contoh ialah hak pengguna untuk menuntut ganti rugi. Hak tuntutan ganti rugi bagi pengguna tertakluk di bawah APP 1999. Oleh itu, kajian lebih mendalam berkaitan liabiliti sivil pembekal perlu dilakukan agar hak pengguna untuk menuntut ganti rugi dapat direalisasikan.

APP 1999 merupakan sebuah akta yang digunakan untuk menjaga dan melindungi hak dan kepentingan pengguna di Malaysia. Objektif utama APP 1999 adalah untuk memberi perlindungan kepada pengguna dan peruntukan ini meliputi bahagian yang tidak dilindungi oleh undang-undang lain yang sedia ada. Di bawah akta ini telah diwujudkan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM). TPM telah ditubuhkan di bawah Seksyen 85, Bahagian XII APP 1999 dan mula dikuatkuasakan pada November 1999. TPM merupakan sebuah badan bebas bertujuan mendengar dan mengadili tuntutan pengguna dan had pampasan ganti rugi yang dibenarkan oleh tribunal berkenaan adalah tidak melebihi RM25,000. Walaupun APP 1999 menyediakan perlindungan yang lebih kepada pengguna dengan menyediakan bantuan penyelesaian tribunal yang mudah dan murah kepada pengguna, namun penyelesaian ini masih tidak mencukupi kerana tidak terdapat peruntukan yang khusus berkaitan dengan representasi logo halal palsu dan mengelirukan. Hal ini menjadikan pengguna tidak dilindungi sepenuhnya di bawah APP 1999 dan seterusnya tidak dapat menuntut ganti rugi. Hal ini dapat dilihat menerusi Seksyen 9 dan 10 APP 1999 yang hanya memperuntukkan secara umum kesalahan seperti menggunakan maklumat palsu, mengelirukan atau memperdayakan pengguna berhubung dengan sesuatu produk, persembahan atau amalan tak saksama.

Walaupun terdapat undang-undang yang mengawal selia perkara berkaitan halal, namun begitu masih terdapat pihak-pihak tertentu yang mengingkari undang-undang ini⁹, terutamanya pihak pembekal yang merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam pembekalan produk representasi logo halal palsu dan mengelirukan. Sekiranya pengguna itu sendiri boleh mengambil tindakan dan membuat tuntutan ganti rugi terhadap pembekal produk logo halal palsu, maka pembekal tidak akan mengambil mudah tanggungjawab dalam memastikan logo

⁹ Farah Mohd Shahwahid, Norazla Abdul Wahab, Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana binti Abdullah, Nor 'Adha Abdul Hamid, Wawarah Saidpuddin, Surianom Miskam & Norziah Othman. (2015). Peranan agensi kerajaan dalam mengurus industri halal di Malaysia: Isu dan cabaran yang dihadapi. *World Academic and Research Congress 2015*. YARSI University, Jakarta, Indonesia, hlm. 284-303.

halal produk mereka diiktiraf oleh JAKIM dan MAIN. Hal ini secara tidak langsung dapat menyekat pembekal daripada mengamalkan perniagaan yang tidak beretika pada masa akan datang. Tambahan pula, salah satu hak pengguna ialah menuntut ganti rugi. Oleh hal yang demikian, kajian semula APP 1999 perlu dilakukan supaya penyelesaian terbaik dapat dicari demi melindungi pengguna berkaitan produk logo halal palsu.

1.2 Pernyataan Masalah

Di Malaysia, undang-undang utama yang melindungi pengguna adalah APP 1999. Akta ini menggunakan pendekatan bersifat jenayah dan sivil. Pendekatan bersifat sivil ini memperuntukkan pampasan ganti rugi kepada pengguna sekiranya hak mereka dicabuli. Hal ini kerana APP 1999 dibuat dengan tujuan untuk melindungi pengguna. APP 1999 bukan sahaja menyediakan remedi bagi kerugian yang dialami oleh pengguna bahkan juga memperuntukkan kesalahan sivil kepada pembekal.¹⁰ APP 1999 sekilas pandang mungkin memberikan gambaran bahawa akta ini memberikan perlindungan kepada pengguna secara keseluruhannya. Namun demikian, akta ini tidak mempunyai peruntukan khusus berkaitan halal. Akta ini hanya memperuntukkan perlindungan secara tidak langsung perkara berkaitan halal melalui pelabelan.

Undang-undang khusus yang mengawal selia isu halal ialah APD 2011. Walau bagaimanapun, akta ini bersifat jenayah yang berfungsi untuk menghukum pesalah dan tidak memperuntukkan pampasan ganti rugi bagi mangsa produk logo halal palsu dan tidak halal.¹¹ Meskipun, APD 2011 mempunyai undang-undang yang mantap dalam mengawal selia isu berkaitan halal, namun begitu ia masih tidak mencukupi dalam melindungi pengguna khususnya berkaitan ganti rugi kepada mangsa produk logo halal palsu. Hal ini kerana APD 2011 digubal dengan tujuan untuk memberi kuasa kepada badan penguat kuasa untuk mengawal perdagangan dengan melarang perihal dagangan palsu dan bukannya untuk memberikan pampasan ganti rugi kepada pengguna. Malah, APD 2011 ini dilihat tidak mampu menangani permasalahan logo halal palsu apabila masih terdapat kes yang melibatkan logo halal. Berdasarkan statistik pemantauan dan penguatkuasaan yang dilakukan oleh pihak JAKIM pada tahun 2016, menunjukkan masih terdapat lagi kes berkaitan halal. Berikut adalah statistik yang direkodkan oleh pihak JAKIM bagi bulan Januari hingga Disember 2016;

¹⁰ Woodroffe, G. & Lowe, R. (2007). *Consumer Law and Practice*. (7th ed.). London: Sweet & Maxwell, hlm.7.

¹¹ Naemah Amin & Norazlina Abdul Aziz. (2015). The liability of the producer of false halal products under product liability law. *Asian Social Science*, 11(15), hlm. 295–301.

Jadual 1.1 : Statistik Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal JAKIM Januari Sehingga Disember 2016

Jenis Pemeriksaan	Pemantauan	Penguatkuasaan	Jumlah
Januari	70	12	82
Februari	80	16	96
Mac	36	20	56
April	113	19	132
Mei	56	26	82
Jun	54	17	71
Julai	88	4	92
Ogos	68	11	79
September	48	5	53
Oktober	58	8	66
November	86	11	97
Disember	2	3	5
Jumlah	759	152	911

(Sumber : Bahagian Hab Halal JAKIM, 2016)

Statistik di atas menunjukkan bahawa jumlah pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak 911, iaitu pemantauan sebanyak 759 dan penguatkuasaan sebanyak 152. Bulan April mencatatkan kekerapan tertinggi pemantauan dan penguatkuasaan, iaitu sebanyak 132, manakala yang terendah adalah bulan Disember, iaitu sebanyak 5 kali pemantauan dan penguatkuasaan. Jadual di bawah pula menunjukkan statistik pecahan bilangan kes pemantauan dan penguatkuasaan yang dilakukan oleh pihak JAKIM dari Januari sehingga Disember 2016.

Jadual 1.2 : Statistik Pecahan Kes Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal JAKIM Januari Sehingga Disember 2016

Jenis Pemeriksaan	Jenis Pecahan	Jumlah
Pemantauan	Audit	759
Penguatkuasaan	Aduan Kepada Bukan Pemegang Sijil Halal	137
	Risikan	10
	Operasi APD 2011	5
	Jumlah	911

(Sumber : Bahagian Hab Halal JAKIM, 2016.)

Statistik di atas menunjukkan bahawa pihak JAKIM melakukan pemantauan audit sebanyak 759 kali terhadap pemegang sijil halal sah dan hanya 65% sahaja pemegang sijil halal tersebut mematuhi keperluan halal.¹² Manakala penguatkuasaan dipecahkan kepada 3 bahagian, iaitu aduan yang dibuat kepada bukan pemegang sijil halal, risikan dan juga operasi APD 2011. Penguatkuasaan yang dilakukan adalah kerjasama antara pihak JAKIM dan pihak KPDNHEP. Dalam statistik ini, jumlah yang sangat tinggi bagi pecahan penguatkuasaan adalah aduan yang dibuat oleh orang ramai terhadap bukan pemegang sijil halal sah, iaitu sebanyak 137. Jumlah yang sangat tinggi ini menunjukkan bahawa masih banyak lagi pembekal yang tidak mematuhi undang-undang yang sedia ada. Hal ini berlaku kerana pihak syarikat dan pengusaha produk ingin meraih keuntungan disebabkan logo halal yang digunakan akan meningkatkan keuntungan syarikat.¹³

Disebabkan APD 2011 memperlihatkan kelemahannya, maka alternatif lain perlu dicari bagi menangani permasalahan yang melibatkan pemalsuan logo halal. Salah satu alternatifnya adalah dengan memperuntukkan liabiliti sivil kepada pembekal. Sekiranya terdapat peruntukan liabiliti sivil, pihak yang menuntut, iaitu pengguna berpeluang untuk menuntut pampasan ganti rugi yang sewajarnya, seperti ganti rugi bagi kerugian bukan kewangan, ganti rugi teladan dan lain-lain melalui proses undang-undang apabila timbulnya kes-kes berkaitan produk logo halal palsu. Selain itu, beban pembuktian bagi undang-undang sivil adalah “imbangan kebarangkalian” (*balance of probabilities*). “Imbangan kebarangkalian” ukuran pembuktian adalah lebih rendah daripada ukuran yang dibuat dalam kes-kes jenayah. Maka, jika pengguna berjaya membuktikan bahawa pihak pembekal telah melakukan kesalahan terhadapnya, iaitu dengan menjual produk logo halal palsu, pembekal akan memberi ganti rugi kepada pengguna. Malah, liabiliti sivil juga boleh digunakan sebagai penghalang, pencegah atau teladan kepada pihak pembekal yang melakukan kesalahan atau pelanggaran hak.¹⁴ Pampasan ganti rugi yang perlu dibayar oleh pihak pembekal akan mencegah mereka daripada melakukan lebih banyak kesalahan atau pelanggaran pada masa akan datang.¹⁵

Justeru, terdapat keperluan untuk mengkaji semula undang-undang sedia ada, khususnya yang menyediakan peruntukan bagi liabiliti sivil, seperti undang-undang kontrak, undang-undang tort dan juga APP 1999 bagi mengawal isu representasi logo halal palsu dan mengelirukan. Penyelidikan khusus berhubung perkara ini perlu dilakukan supaya pengguna mempunyai perlindungan dalam isu representasi logo halal palsu dan mengelirukan. Atas

¹² Mohamad Zukrillah Ismail, Penolong Pengarah Bahagian Hab Halal JAKIM, ditemu bual oleh penulis tesis, Putrajaya, 14 April 2017.

¹³ Ibid.

¹⁴ Alexandru-Daniel, O. (2013). *Prevention and the pillars of a dynamic theory of civil liability: A comparative study on preventive remedies*. Research Papers. 1. Dimuat turun pada 10 September 2018 daripada

<https://digitalcommons.law.lsu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1001&context=studpapers>

¹⁵ Margaret, J. R. (1993). Compensation and commensurability. *Duke Law Journal*, 43(1), hlm. 57.

dasar pengguna yang mudah dieksplotasi dan ditindas maka penyelesaian perlu dicari bagi membolehkan pengguna mendapat pampasan ganti rugi dalam isu representasi logo halal palsu dan mengelirukan. Diharap juga peruntukan di bawah undang-undang sivil dapat mencegah pembekal daripada melakukan representasi palsu kerana mereka gentar akan ganti rugi yang perlu dibayar kepada pengguna apabila mereka gagal melaksanakan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang sivil.

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Am

Penyelidikan ini memfokuskan kepada undang-undang perlindungan pengguna, iaitu undang-undang kontrak, undang-undang tort dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 di Malaysia. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis undang-undang sivil yang memberi peruntukan kepada pengguna untuk menuntut pampasan ganti rugi dalam kes representasi logo halal palsu dan mengelirukan.

1.3.2 Objektif Khusus

- i. Menganalisis undang-undang kontrak, undang-undang tort (kecuaian dan perdayaan) dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Bahagian II, V dan X) bagi melihat kelemahan dan kekuatan setiap cabang undang-undang sebagai mekanisme tebus rugi (*redress mechanisms*) bagi pengguna.
- ii. Mengenal pasti ganti rugi yang sesuai untuk diberikan kepada pengguna dalam isu representasi logo halal palsu dan mengelirukan.
- iii. Membandingkan peruntukan undang-undang perlindungan pengguna sedia ada di negara-negara lain, seperti United Kingdom dan Australia dari aspek ganti rugi.
- iv. Mencadangkan penambahaikan kepada Akta Perlindungan Pengguna 1999 di Malaysia berkaitan dengan representasi logo halal palsu dan mengelirukan.

1.4 Signifikan Kajian

Undang-undang merupakan instrumen paling penting dalam melindungi hak dan kepentingan pengguna untuk menuntut pampasan ganti rugi sekiranya hak-hak mereka telah dicabuli. Namun begitu, dalam kes representasi logo halal palsu dan mengelirukan, undang-undang sedia ada ini tidak dapat memberikan hak yang secukupnya dalam melindungi pengguna. Hasil kajian yang diperoleh daripada kajian ini akan memberikan sumbangan besar kepada semua

golongan, iaitu pengguna, industri (pembekal, penjual, pengeluar dan pengilang), badan-badan perundangan serta badan-badan penguatkuasaan. Pengguna, sebagai pihak berkepentingan dalam kajian ini akan mempunyai perlindungan lebih kukuh dalam isu representasi logo halal palsu dan mengelirukan. Di samping itu, dengan adanya undang-undang yang melindungi pengguna dalam isu representasi logo halal palsu dan mengelirukan, dapat mewujudkan rasa tanggungjawab dan integriti pihak industri (pembekal, penjual, pengeluar dan pengilang) dalam pengeluaran produk mereka.

Pembaharuan yang dicadangkan ini dapat membantu badan perundangan untuk membentuk dan memperbaiki undang-undang di Malaysia supaya berkembang seiring dengan industri halal untuk memenuhi keadaaan semasa dalam mengenakan liabiliti sivil terhadap pembekal dan seterusnya melindungi pengguna berkaitan dengan produk logo halal palsu dan mengelirukan. Dengan adanya kajian ini, penyelidik berharap dapat memberikan sumbangan kepada bidang pengajian perlindungan pengguna berkaitan halal yang dapat memberi maklumat baru untuk rujukan kajian akan datang.

1.5 Kajian Literatur

Kajian literatur ini adalah untuk melihat kajian-kajian lepas dengan meneliti kajian terdahulu dalam merangka kajian penyelidik secara tepat tanpa ada sebarang pertindihan kajian yang dilakukan. Penyelidik telah merujuk beberapa tesis, buku dan artikel jurnal untuk menyorot berkenaan tajuk yang dibuat, iaitu liabiliti sivil terhadap pembekal ke atas representasi logo halal palsu dan mengelirukan.

Di Malaysia, kajian dan penulisan berkaitan liabiliti sivil terhadap pembekal ke atas representasi logo halal palsu dan mengelirukan sangat sedikit dan tidak dilakukan secara mendalam. Antaranya, kajian yang dilakukan oleh Naemah Amin dan Norazlina Abdul Aziz¹⁶ yang menganalisis liabiliti pembekal terhadap produk logo halal palsu di bawah undang-undang liabiliti produk. Selain itu, Elistina Abu Bakar, Sa'odah Ahmad dan Rojanah Kahar¹⁷ pula membuat analisis berkaitan liabiliti sivil terhadap logo halal palsu di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Dalam pada itu, penyelidik juga turut merujuk bahan bacaan yang ditulis oleh Zeti Zuryani Mohd Zakuan, Sakina Shaik Ahmad Yusoff dan

